

07 DEC 1998

Syed Hamid-penyelenggaraan

BUDAYA PENNYELENGGARAAN SATU PERINGATAN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang mahukan tentera laut menyemai budaya penyelenggaraan adalah satu peringatan yang baik kepada Angkatan Tentera untuk menjadi lebih cekap, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Saya fikir kami mengambil komen Perdana Menteri itu secara positif, bahawa ia memberi peringatan kepada semua termasuk kami. Bagi kami cadangannya itu adalah satu peringatan untuk menjadi lebih cekap.

"Bagi kami, yang sentiasa mengamalkannya, apa-apa peringatan seperti itu adalah satu amaran yang baik kerana kami tidak mampu untuk ada kemalangan-kemalangan atau perkara-perkara yang terjadi hanya kerana kurang penyelenggaraan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan cek kepada Donnie Gong Wee Hua, balu juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia, Kapt Jaidev Biaspal yang terbunuh apabila pesawatnya terhempas di Kuala Betis, dekat Gua Musang di Kelantan pada 10 on Sept.

Baru-baru ini ketika melancarkan pesawat buatan Malaysia yang pertama, Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Pertahanan menyemai budaya penyelenggara dalam tentera laut bagi memastikan keadaan kapal-kapalnya sentiasa baik dan bersih.

Dari perpektif yang lebih luas, Syed Hamid berkata peringatan itu bukan sahaja untuk Angkatan Tentera tetapi juga untuk semua pihak di Malaysia, termasuk pihak swasta.

"Ia bukan hanya untuk tentera sahaja. Ia boleh dipakai oleh semua pihak di Malaysia bahawa mereka perlu ada budaya penyelenggaraan yang kuat supaya apa yang kita lakukan, ia baik untuk aset-aset dan juga tarap tanggungjawab," katanya.

Syed Hamid berkata bagi Angkatan Tentera, khususnya tentera laut, ada pesawat dan kapal yang masih digunakan walaupun berusia lebih 30 atau 40 tahun seperti pesawat Nuri, Alloutte, Caribou dan Wasp dan kapal ronda.

"Kami masih menggunakan pesawat Wasp dan Caribou walaupun pengeluarannya sudah tidak ada lagi," katanya.

Syed Hamid berkata kementerianya tidak pernah berkompromi dalam soal keselamatan, kerana mana-mana anggota yang didapati cuai dalam menjalankan tugas mereka, termasuk kerja-kerja penyelenggaraan, akan dikenakan tindakan tegas, termasuk dibuang kerja atau diturun pangkat.

"Ada undang-undang dan peraturan yang mana kami akan kenakan tindakan kepada mereka yang bertanggungjawab. Mereka dikenakan tindakan disiplin, malahan dihadapkan ke mahkamah tentera," katanya.

Syed Hamid berkata penyelenggaraan yang baik akan membolehkan penjimatan kos dan memanjangkan hayat aset-aset dan ia adalah proses yang berterusan dalam Angkatan Tentera.

"Saya fikir peringatan seperti itu menunjukkan betapa serius kerajaan mengenai penyelenggaraan. Saya rasa kami mahu pastikan perkara yang kami sudah tentu akan memberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah untuk meminta peruntukan yang baik untuk tujuan penyelenggaraan," katanya.

Mengenai kejadian pesawat terhempas yang membunuh Kapt Jaidev itu, Syed Hamid berkata daripada itu laporan awal, ia tidak disebabkan oleh kecuai atau kerosakan pesawat ataupun kegagalan teknikal.

"Ia tidak ada sangkut paut dengan kecuai atau pesawat rosak. Ia berkaitan dengan faktor psaikeologi manusia."

Syed Hamid berkata Jaidev memberi tumpuan yang lebih kepada sasarannya yang menyebabkan beliau lupa yang pesawatnya sedang membuat penerbangan terlampau rendah.

"Pesawat seperti itu apabila mahu menghentam sasaran diterbalikkan. Dek kerana terlampau memberi tumpuan dia terlupa untuk naik balik. Inilah yang berlaku dalam kes ini," katanya.

Jaidev terbunuh apabila pesawat jet pejuang Hawk 208nya terhempas ketika menjalani latihan tembakan dari udara ke bumi.

-- BERNAMA

RV WAT